



**SIARAN AKHBAR
JABATAN BURUH
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**PENUTUPAN SEMENTARA SEMUA KAUNTER PERKHIDMATAN DI JABATAN
BURUH BAGI MENGURANGKAN RISIKO PENULARAN WABAK COVID-19
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Selasa, 29 Rejab 1441H bersamaan 24 Mac 2020M

Berikutan dengan Sidang Media Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pada 20hb Mac 2020 berhubung dengan Permohonan untuk Mendatangkan Pekerja Asing ke Negara Brunei Darussalam. Sebagai salah satu usaha mencegah dan membendung penularan wabak penyakit COVID-19 di Negara Brunei Darussalam dan atas saranan Kementerian Kesihatan pada situasi masa kini, dengan ini Jabatan Buruh ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa semua perkhidmatan kaunter di Jabatan Buruh di keempat-empat daerah akan ditutup buat sementara **mulai pada hari Rabu, 30 Rejab 1441 bersamaan dengan 25 Mac 2020 sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.**

Kaunter-kaunter perkhidmatan yang dimaksudkan adalah kesemua kaunter-kaunter permohonan Lesen Pekerja Asing, Lesen Pekerja Domestik, Kewangan, Banci Majikan dan Pekerja, Pampasan Pekerja, Agensi Pekerjaan, Pengesahan Alamat termasuk Kaunter Perjumpaan dan Aduan.

Bagi permohonan kategori **MEMBAHARUI** Lesen Pekerja Asing dan Lesen Perkhidmatan Domestik serta perkhidmatan-perkhidmatan lain di Jabatan Buruh bolehlah dimasukkan ke dalam **Peti Permohonan** yang disediakan di ruang legar Jabatan Buruh dan cawangan – cawangannya. Waktu penghantaran permohonan adalah bermula dari jam **09.00 pagi hingga 11.00 pagi dan 02.00 petang hingga 03.00 petang pada setiap hari (Isnin-Khamis & Sabtu)**. Tatacara menghadapkan dan mengambil keputusan permohonan di Jabatan Buruh bolehlah diperolehi di laman sesawang Jabatan Buruh di www.labour.gov.bn

Sebarang keputusan permohonan akan dimaklumkan melalui e-mel dan *WhatsApp* bagi pengambilan keputusan berkenaan. Para pemohon dinasihatkan untuk melengkapkan permohonan dan memberikan alamat e-mel dan nombor telefon bimbit dengan betul bagi kelancaran permohonan.

Sebarang pertanyaan dan aduan serta perjanjian perjumpaan orang ramai adalah dinasihatkan untuk menghubungi di Talian Jabatan Buruh atau melalui e-mel info.buruh@buruh.gov.bn

Nombor-nombor Talian Telefon untuk dihubungi adalah seperti berikut:

	PENUTUPAN KAUNTER SEMENTARA	NO.TALIAN DIHUBUNGI
1.	Bahagian Kewangan	2383 006 ext 2301/2302/2300
2.	Bahagian Lesen Pekerja Asing	2383 006 ext 3211/3200
3.	Bahagian Lesen Perkhidmatan Domestik	2383 006 ext 3107
4.	Bahagian Agensi Pekerjaan	2383 006 ext 1074/2102
5.	Bahagian Pampasan	2383 006 ext 2203/2205
6.	Bahagian Kajian dan Perangkaan (Banci)	2383 006 ext 4503/4504
7.	Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang	
	a) Hotline Aduan Pertikaian Kerja	238 1848 / 729 8989
	b) Unit Pemeriksaan (Pengesahan Alamat)	2383 006 ext 4214
8.	Jabatan Buruh Cawangan Daerah Belait	333 1549
9.	Jabatan Buruh Cawangan Daerah Tutong	422 1408
10.	Jabatan Buruh Cawangan Daerah Temburong	522 1256
Bagi sebarang Pertanyaan Am bolehlah menghubungi ke Talian 2383 006 / 2380 256		

Kerjasama dan pertimbangan majikan-majikan dan agensi-agensi pekerjaan adalah diharapkan dalam sama-sama membendung penularan wabak penyakit COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.

Sekian disampaikan

Jabatan Buruh
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
Selasa, 29 Rejab 1441H bersamaan 24 Mac 2020M